

07 SEP 2000

IAP-MODAL TEROKA/I

MODAL TEROKA MALAYSIA DISARAN BERKONGSI DENGAN MODAL TEROKA ASING

Oleh: Mohd Arshi Daud

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Keusahawanan teknologi dan industri modal teroka (VC) Malaysia yang baru setahun jagung akan mencapai kemajuan pesat jika syarikat-syarikat VC dapat membentuk perkongsian dengan VC dari negara-negara lain, kata ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Gilbert Amelio hari ini.

"Dengan perkongsian ini, contohnya syarikat-syarikat VC Amerika, anda beroleh keupayaan untuk mengajar generasi muda untuk menghasilkan idea baru," kata Dr Amelio, yang merupakan rakan kongsi Parkside Group dan ketua pegawai eksekutif Beneventure Capital.

Bercakap kepada pemberita pada acara sampingan mesyuarat IAP MSC keempat di sini, beliau berkata perkongsian ini dapat mewujudkan prasarana, pengetahuan dan lajukan bagi membangunkan industri VC.

Mesyuarat IAP selama tiga hari yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bermula hari ini.

Pada asasnya modal teroka adalah pelaburan ekuiti dalam syarikat kecil dan sederhana yang tidak disenaraikan, di mana pelabur-pelaburnya mengambil bahagian sedikit sebanyak dalam proses pengurusan.

Sambil menekankan bahawa VC mempunyai peranan penting dalam memastikan kejayaan MSC, Dr Amelio berkata kehadiran beliau pada mesyuarat IAP juga termasuk meninjau bagaimana syarikatnya boleh mengambil bahagian dalam projek ini.

Dr Amelio menambah kata bahawa syarikatnya berhasrat mengadakan dana teroka bernilai AS\$150 juta (RM570 juta) untuk dilaburkan dalam pasaran kritikal dan ini mungkin termasuk Malaysia.

Sementara itu, seorang wakil IAP, Roland Koch, presiden kumpulan rangkaian komunikasi dan maklumat Siemens AG, berkata VC merupakan tunggak yang kukuh untuk merangsang keusahawanan di Malaysia.

Katanya VC bukanlah sesuatu yang berkaitan dengan perniagaan meminjamkan wang tetapi ia ada kaitan dengan kewujudan perspektif perniagaan dalam pelaburan.

Sambil mengesahkan tambahan pelaburan Siemen AG dalam projek MSC, beliau berkata: "Kami pasti akan mempertingkatkan penglibatan kami dalam MSC dan kini sedang menilai peluang-peluang dalam e-niaga."

MSC merupakan sebuah kawasan seluas 750 kilometer persegi, terletak di selatan Kuala Lumpur dan telah dikenal pasti sebagai pusat bagi memajukan produk dan perkhidmatan multimedia.

Sementara itu, presiden dan ketua eksekutif Michael D Capellas berkata bahawa syarikatnya sedang mempertimbangkan pelaburan dalam sekolah bestari dan projek perdana e-kerajaan dalam MSC.

Ahli IAP itu menambah kata bahawa Compaq juga sedang berunding mengenai pemasangan dan pengeluaran produk teknologi maklumat di negara ini.

-- BERNAMA

MAD FR KY MA